



**JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL
NEGERI MELAKA
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

**IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN PENOLONG GURU TABIKA PERPADUAN
GRED H1 (KONTRAK)**

1. BUTIRAN JAWATAN

- | | | | |
|-----|------------------------------|---|---|
| 1.1 | Agensi | : | Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Melaka |
| 1.2 | Jawatan | : | Pembantu Khidmat Am
(Penolong Guru Tabika Perpaduan) |
| 1.3 | Gred Jawatan | : | H1 |
| 1.4 | Kumpulan Perkhidmatan | : | Pelaksana |
| 1.5 | Taraf Jawatan | : | Kontrak |
| 1.6 | Bilangan Kekosongan | : | Dua (2) |
| 1.7 | Tempat Kekosongan | : | Sekitar Negeri Melaka |

2. JADUAL GAJI : RM1,500.00 – RM4,680.00

3. ELAUN :

Imbuhan Tetap Perumahan (ITP)	:RM300.00
Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA)	:RM115.00
Bantuan Sara Hidup (COLA)	:RM300.00

4. SYARAT LANTIKAN

Calon-calon hendaklah memenuhi syarat seperti berikut:

- 4.1 Warganegara Malaysia dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan
- 4.2 Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/ Sijil Vokasional Malaysia (SVM) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; **dan**
- 4.3 Memiliki dua (2) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu di peringkat Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dan empat (4) mata pelajaran lain di peringkat Lulus (Gred E) dalam satu peperiksaan SPM; **atau**
- 4.4 Memiliki dua (2) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu di peringkat Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dan empat (4) mata pelajaran lain di peringkat Lulus (Gred E) yang dikumpulkan dalam dua peperiksaan SPM dalam tempoh tiga (3) tahun berturut-turut.

5. DESKRIPSI TUGAS

- 5.1 Membantu Guru menjalankan tugas Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di tabika;
- 5.2 Menyediakan makanan berkhasiat untuk murid-murid mengikut panduan makanan yang betul serta menu yang telah ditetapkan;
- 5.3 Memastikan tabika berada dalam keadaan bersih, kemas, selamat dan teratur; dan
- 5.4 Membantu Guru membimbing murid semasa menjalankan aktiviti harian di tabika supaya mereka dapat melibatkan diri secara aktif serta tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

6. CARA MEMOHON

- 6.1 Permohonan hendaklah dengan mengisi borang permohonan yang boleh didapati di laman web J-PERPADUAN di <https://www.jpnin.gov.my/> (Perkhidmatan> Borang) berserta gambar berukuran passport (tidak akan dikembalikan)
- 6.2 Permohonan daripada pegawai kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Peraturan 18, Peraturan –peraturan Pegawai Awam (Perlantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012.
- 6.3 Borang permohonan hendaklah dikemukakan bersama dengan dokumen sokongan yang berikut dan **DISAHKAN** oleh Pegawai Kerajaan yang menjawat jawatan Kumpulan 'A'/Gred 9 ke atas/Penghulu/Ketua Kampung:
 - i. Salinan Kad Pengenalan
 - ii. Salinan Sijil Kelahiran/ Surat Beranak
 - iii. Salinan Sijil Berhenti Sekolah
 - iv. Salinan Sijil Akademik Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau yang setara
- 6.4 Borang permohonan berserta dokumen sokongan yang telah disahkan perlu dikemukakan secara pos atau secara serahan tangan ke alamat seperti berikut:
Pengarah
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
Negeri Melaka
Aras 3, Blok Podium, Menara Persekutuan, MITC
75450 AYER KEROH, MELAKA

7. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan bolehlah diajukan kepada talian 06-2345050

8. TARIKH TUTUP : 18 MAC 2025 (SELASA)

- 8.1 Permohonan berikut **AKAN DITOLAK**
 - i. TIDAK lengkap / TIDAK jelas;
 - ii. TIDAK memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan;
 - iii. TIDAK disertakan dengan dokumen-dokumen yang diperlukan;
 - iv. TIDAK menandatangani borang permohonan;
 - v. TIDAK mengikut Peraturan 18 Bab 'A' P.U.(A)/2012 bagi calon yang sedang berkhidmat.

- 8.2 Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan dan memenuhi syarat-syarat seperti yang telah ditetapkan akan dipanggil untuk menghadiri temu duga. **Calon-calon yang tidak dihubungi selepas enam (6) bulan daripada tarikh tutup permohonan hendaklah dianggap tidak berjaya.**
- 8.3 Segala perbelanjaan menghadiri temu duga adalah tanggungan sendiri dan jabatan tidak akan melayan sebarang tuntutan.

TARIKH DISIARKAN : 4 MAC 2025 (SELASA)